

10 – 11 April 2023 | Audit Pemantauan SIRIM ISO/IEC 27001:2013 Information Security Management System (ISMS)

Sesi Audit Pemantauan SIRIM ISO/IEC 27001:2013 telah dilaksanakan pada 10 hingga 11 April 2023 (Isnin – Selasa) bertempat di Bilik Mesyuarat Jed, Bahagian Teknologi Maklumat. Mesyuarat Pembukaan Audit telah dipengerusikan oleh Ts. Aiesa bin Saad selaku ICTSO INSTUN dan Mesyuarat Penutup Audit telah dipengerusikan oleh Encik Murad bin Isa, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat.

Skop pensijilan ISMS adalah Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bagi Pengurusan Pusat Data dan Pentadbiran Sistem eSPEK (Sistem Pengurusan Kursus). Sekalung penghargaan diucapkan kepada Puan Nur Eliana binti Abdul Razak selaku Ketua Juruaudit daripada SIRIM QAS Sdn. Bhd. Kerana sudi hadir untuk melaksanakan audit di INSTUN.

Alhamdulillah SIRIM telah mengesyorkan untuk diteruskan pensijilan tanpa sebarang pindaan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada warga Bahagian Teknologi Maklumat dan Seksyen Keselamatan yang telah memberi komitmen padu sepanjang tempoh audit berlangsung.





